

09 JAN 2004

Mahathir-Ijazah

TUN DR MAHATHIR SETUJU TERIMA IJAZAH KEHORMAT DARI UUM

JITRA, 9 Jan (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad telahpun menyatakan persetujuannya untuk menerima ijazah kehormat kedoktoran falsafah (PhD) daripada Universiti Utara Malaysia (UUM), kata Naib Canselor UUM Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri.

"Dr Mahathir secara lisan telahpun menyatakan persetujuan itu kepada saya dalam perbincangan tadi, walaupun baru-baru ini surat jawapan dari pejabat Dr Mahathir menyatakan beliau belum bersedia menerimanya," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan Dr Mahathir di Pusat Komuniti Pendidikan Parlimen Kubang Pasu di sini hari ini.

Dr Mahathir sebelum itu mengadakan perjumpaan tertutup bersama-sama anggota jawatankuasa penaja Umno Bahagian Kubang Pasu.

Dr Ahmad Fawzi, berkata bekas Perdana Menteri itu akan dianugerahkan ijazah berkenaan dalam bidang Pengurusan Pembangunan memandangkan penglibatannya dalam mencetuskan kewujudan sebuah universiti di negeri ini iaitu UUM.

Katanya isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut bersetuju secara lisan untuk menerima ijazah kehormat PhD dalam bidang Kerja Sosial daripada UUM.

Beliau berkata penganugerahan itu boleh dilangsungkan serentak dengan majlis konvokesyen tahunan UUM pada September ini atau konvokesyen khas boleh diadakan pada bila-bila masa mengikut kesesuaian waktu.

Sementara itu, Dr Mahathir selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan jawatankuasa penaja Umno bahagian Kubang Pasu berkata beliau mengucapkan terima kasih kepada anggota-anggota Umno bahagian itu yang memberi sokongan kepadanya sebelum ini.

"Saya kini sihat dan datang hari ini semata-mata untuk mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang mereka berikan semasa mengetuai bahagian ini," katanya.

Ketika ditanya mengenai calon dalam pilihan raya nanti bagi menggantikannya sebagai anggota Parlimen Kubang Pasu, Dr Mahathir berkata

terpulang kepada pucuk pimpinan Umno untuk menentukannya.

-- BERNAMA

MNH ROS